

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS 2025**

PERTANYAAN : SOALAN TAMBAHAN KE-3

DARIPADA : YB DATIN ROS SURIATI BINTI ALANG

TARIKH : 4 MAC 2025 (SELASA)

SOALAN

- (a) Menyatakan bagaimana DBKL memantau peniaga di sekitar Kuala Lumpur seperti Masjid India, Chow Kit dan Jalan TAR di mana perniagaan tersebut diusahakan oleh bukan warganegara tetapi lesen perniagaan dimiliki oleh warganegara? dan;
- (b) Adakah mereka menyewa kepada pihak ketiga serta adakah perniagaan ini dibenarkan oleh DBKL?

JAWAPAN

YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) maklum dengan isu dan permasalahan ke atas penyelewengan lesen perniagaan warga tempatan kepada warga asing (ali baba) dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terutamanya di sekitar Pusat Bandar. Antara langkah dan usaha yang dilakukan bagi memastikan penyelewengan ini tidak terus berlaku, DBKL telah menugaskan anggota penguatkuasa secara rondaan bit dan penempatan pasukan penguatkuasa secara berjadual dengan dua (2) shif penugasan pada setiap hari bagi membuat pemantauan dan mengambil tindakan penguatkuasaan berdasarkan peruntukan di bawah :-
 - i. Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2016;
 - ii. Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2016;
 - iii. Undang-Undang Kecil Pelesenan Pasar (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2016; dan
 - iv. Undang-Undang Kecil Pasar Borong (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2002.
2. Bagi perkara ini, jika DBKL mendapati berlakunya pelanggaran ke atas syarat lesen perniagaan seperti premis perniagaan dikendalikan oleh warga asing yang tiada permit kerja sah atau menggajikan warga asing tanpa kebenaran, tindakan **Notis Kesalahan** dikeluarkan kepada pengusaha /pemilik perniagaan dan **tindakan tutup premis serta merta** akan dilaksanakan di bawah **Akta Kerajaan Tempatan 1976**.

3. Lesen perniagaan yang dikeluarkan kepada pengusaha atau pemilik warga tempatan akan dibawa ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembatalan Lesen dan Permit di DBKL bagi tujuan pembatalan lesen. Manakala bagi tindakan penguatkuasaan terhadap mana-mana warga asing yang didapati menjalankan aktiviti perniagaan atau penjajaan tanpa lesen, tindakan sitaan serta merta terhadap pelbagai barangan perniagaan akan dilaksanakan dan semua barangan yang disita tidak boleh dituntut semula.
4. Berdasarkan statistik tindakan penguatkuasaan sepanjang **tahun 2024**, sebanyak **1,657 Notis Kesalahan** telah dikeluarkan terhadap pemilik tempatan yang menggajikan warga asing tanpa permit kerja yang sah. Manakala bagi **tahun 2025 sehingga Februari**, sebanyak **390 Notis Kesalahan** telah dikeluarkan di bawah akta yang sama.
5. Tindakan penguatkuasaan juga akan diambil serta merta jika berlaku kegiatan "ali baba" dalam aktiviti perniagaan dan pihak yang melindungi warga asing. Pihak DBKL akan terus mengambil tindakan penguatkuasaan seperti membatalkan lesen perniagaan dan memberikan kompaun terhadap peniaga tersebut. DBKL akan mempergiatkan lagi tindakan penguatkuasaan bagi memastikan perkara ini tidak terus menular di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.